

13 OCT 1997

103 SYARIKAT RUSSIA SERTAI PAMERAN TECHXCHANGE '97

KUALA LUMPUR, 13 Okt (Bernama) -- Sebanyak 103 syarikat dari Russia akan menyertai Persidangan dan Pameran Mengenai Teknologi Russia (TechXchange '97) di sini esok yang menyerlahkan hubungan kerjasama Malaysia-Russia.

Menurut pengurus kanan syarikat penganjur TechXchange '97, Le Proton Exhibition, Cik Azma Rahman, 10 syarikat dan agensi dari Malaysia turut menyertai pameran itu yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Pusat Pameran Antarabangsa The Mines, di sini.

Syarikat-syarikat itu ialah Perwira Affin Bank, Permodalan Usahawan Nasional Bhd (PUNB), ATSC, Abrar Aviation Supplies Sdn Bhd, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM), SIRIM, Malaysia Technology Development Corporation (MTDC), CASS Technology dan Telekom Malaysia.

Bercakap kepada pemberita pada sidang media di sini, Azma berkata Dr Mahathir juga akan menyaksikan majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) antara Aerospace Technology Systems Corporation Sdn Bhd (ATSC) dengan Kerajaan Malaysia dan ATSC dengan Moscow Aircraft Production Organisation (MAPO).

Sepanjang persidangan dua hari pada 15 dan 16 Okt, beberapa kertas kerja akan dibentangkan oleh pakar dari kedua-dua negara.

Antaranya "Multimedia Super Corridor: Overview and Opportunities" oleh Pengerusi Eksekutif Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) Tan Sri Othman Yeop Abdullah, "Venture Capital: Financing Mechanism to Promote Techno-Entrepreneurship" oleh Pemangku Ketua Eksekutif MTDC Nordin Mohamad Desa, "Investment Opportunities in Russian Telecommunication and Information Technologies" oleh Timbalan Pengarah 1 Institut Penyelidikan Sains Russia (VOSHOD) Viacheslav V. Korchagin dan "Scenario of Financing Mechanisms to Promote High-technology Industry in Russia" oleh Timbalan Menteri Ekonomi Russia Vladimir V. Salo.

Persidangan itu akan ditutup oleh Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng Ding.--BERNAMA

APG oba